

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD**  
**KAWASAN : KOTA RAJA**  
**TARIKH : 17 MEI 2016, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah kerja-kerja menaik taraf Jalan Persekutuan FR5 dari Tanjong Karang ke Sabak Bernam akan dimulakan dan berapakah kos kontrak tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf Jalan Persekutuan 05 (FT05) dari Tanjong Karang ke Sabak Bernam ialah sebahagian daripada skop projek Lebuhraya Pantai Barat (WCE) dari Taiping ke Banting. Laluan sepanjang 50km itu akan dinaikkan taraf kepada reka bentuk piawaian lebuhraya secara kaedah kontrak konvensional di bawah pengawasan Jabatan Kerja Raya (JKR). Projek dengan nilai kontrak sebanyak RM709 juta itu baru sahaja bermula pada 21 Mac 2016 yang lalu dan ia dirancang akan siap dalam tempoh masa 4 tahun, iaitu pada 20 Mac 2020.

Sekian. Terima kasih.